

MAHATHIR-JEPUN

1984

KUALA LUMPUR, 9 MAC (BERNAMA)-- HALAYSIA PERLUBELAJARDARI BERBAGAI SUMBER DALAM USAHA MEMBENTUK SEBUAH MASYARAKAT YANG KUAT CONGAN NILAI DAN CARAHIDUP YANG SEDERHANA, KATADATUK SERI, DR. MAHATHIR MOHAMAD H A R I INI.

NILAI-NILAI ASING YANG BALK BOLEH DICONTOHIASALKANTIDAK BERCANGGAH DENGAN AJARAN AGAMA DAN KEBUDAYAAN MASYARAKAT NEGARA INI, TAMBAH PEROANA MENTERIKETIKABERUCAP KEPAOA PARA PELAJAR DI AMBANG ASUHAN J E P U N DI UNIVERSITI MALAYA, DI SINI.

KATANYA DASAR PANDANG KETIMURBUKANSEMATA-MATA BERTUJUAN MENIMBA PELAJARAN DAN ILMU PENGETAHUAN DARI J E P U N TETAPI JUGAMEMPELAJARI NILAI-NILAI YANG BAIK DARI NEGARA ITU.

SEBAGAI CONTOH BELIAU MENYEBUT ETIKA KERJA D A N DEDIKASI PARA PEKERJA JEPUN TERHADAP PERUSAHAAN MASING-MASING.

KERANA DEDIKASI TERHADAP PEKERJAAN MASING-MASING, PEKERJA-PEKERJA JEPUN JARANG SEKALIMELOMPAT DARI SATU PERUSAHAAN KE PERUSAHAAN LAIN KERANA MENGEJAR GAJI. --LAGI 2002/PA

ZCZC B698

MAHATHIR-JEPUN-2-KUALA LUMPUR

DATUK SERI OR. MAHATHIR MENASIHATKAN PARA PELAJAR TERSEBUT BENTIASA MENGAMBIL BERAT TERHADAP PENERAPAN NILAI-NILAI YANG BAIK ITU DISAMPING MENUMPUKAN PERHATIAN DALAM PELAJARAN MASING-MASING SEMASA BERADA DI JEPUN.

CARAHIDUP +BERBAHASA+ DI K A L A N G A N ORANG JEPUN DAPAT MENGIMBANGI PENGARUH KURANG SIHAT SUDAH MERESAP DI KALANGAN MASYARAKAT AKIBAT PENDEDAHAN PENGARUH BARAT, KATANYA.

DENGAN DEMIKIAN BELIAU BERHARAP AKAN LAHIR SEBUAH HASYARAKAT MALAYSIA YANG DISEGANI DUNIA KERANA DEDIKASI TERHADAP PEKERJAAN OAN MEMPUNYAI PERADABAN DAN NILAI HIDUP YANG TINGGI.

+INILAH HARAPAN KERAJAAN,+ KATANYA DAN BERHARAP PARA PELAJAR ITU AKAN DAPAT MENGISI HARAPAN TERSEBUT.

INILAH LAWATAN PERTAMA PEROANA MENTERI KE PUSAT TERSEBUT BERTERHADAP 3.7 JUGA YANG DIBANGUNKAN DENGAN BANTUAN KERAJAAN JEPUN. --LAGI

MAHATHIR-JEPUN 3 KUALA LUMPUR

TURUT HADIR IALAH ISTERI PERDANA M E N T E R I DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH DAN DUTA BESAR JEPUN KE MALAYSIA ENCIK AKITANE KIUCHI.

KETIKA MENGALU-ALUKAN PERDANA MENTERI, NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYA PROFESOR DIRAJA UNGKU AZIZ BERKATA PENUBUHAN PUSAT TERSEBUT AKAN MEMBANTU MEMESATKAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI JEPUN KE N E G A R A INI.

PUSAT TERSEBUT HANYA MEMBERIKAN ASAS KEPADA PARA PELAJAR HALAYSIA YANG AKAN MELANJUTKAN PELAJARAN KE JEPUN MENGENAI BAHASA DAN SISTEM PENDIDIKAN DI NEGARA ITU.

PEMILIHAN NAMA PUSAT TERSEBUT +AMBANG ASUHAN JEPUN+ A D A L A H BERTEPATAN KERANA PUSAT ITU HANYA HERUPAKAN PINTU MASUK BAGI PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA KE PUSAT PENGAJIAN TINGGI DI JEPUN.

KUMPULAN PERTAMA SERAMAI 43 PELAJAR TERMASUK 25 PELAJAR YANG DIPINDAHKAN DARI UNIVERSITI KEBANGSAAN HALAYSIA BARU-BARU INI MENGAMBIL PEPERIKSAAN KHAS UNTUK MEMASUKI UNIVERSITI-UNIVERSITI JEPUN. MEREKA SANG LULUS AKAN BERLEPAS KE SANA PADA AKHIR BULAN INI. MAHATHIR-JEPUN 4 KUALA LUMPUR

PROF. YOSHIO GONDO YANG MEMIMPIN SERAMAI 12 ORANG TENAGA PENGAJAR DARI JEPUN BERKATA KEMAMPUAN PARA PELAJAR HALAYSIA ADALAH JAUH LEBIH TINGGI DARI JANGKAANNYA.

MEREKA BELAJAR DENGAN TEKUN DAN DEDIKASI SEPERTI JUGA PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA ITU BELIAU PERCAYA MEREKA AKAN BERJAYA.

PUSAT TERSEBUT DALAM JANGKA MASA PANJANG AKAN MENGAMBIL SERAMAI 100 ORANG PELAJAR UNTUK BIDANG SAINS DAN SAINS SOSIAL.

PEMILIHAN MEREKA BERDASARKAN PENCAPAIAN TINGGI DIPERINGKAT SPM/MCE DALAM MATA PELAJARAN SAINS ATAU SASTERA DENGAN PENEKANAN DIBUAT DALAM MATA PELAJARAN MATEMATIK DAN MATEMATIK TAMBAHAN. --BERNAMA 2045/PA